

'Tinggal budaya lama jadikan Malaysia lebih baik'

Malaysia mesti berani membawa perubahan dengan meninggalkan budaya lama, bagi menjadikan negara ini dalam keadaan yang lebih baik pada masa hadapan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perubahan itu bukan hanya didokong oleh kerajaan dan jemaah Menteri, tetapi juga pada peringkat rakyat.

"Dalam sejarah negara, ada ketika di mana kita ada kesempatan melakukan anjakan atau perubahan. Pada hemat saya kita telah biasa dengan budaya lama dan perlu lakukan anjakan ini dengan berani," katanya pada Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama diaspora Malaysia di sini, semalam.

Anwar berkata, beliau tidak menafikan dalam melaksanakan

perubahan, akan ada bantahan khususnya daripada sesetengah pihak yang ada antaranya membicarakan soal berkaitan agama dan sebagainya, selain mengkritik apa saja yang dilakukan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, itu perkara biasa politik dalam konteks sebuah negara demokrasi.

Justeru, Perdana Menteri berkata, tumpuan ke arah perubahan dengan membetulkan tatakelola, tadbir urus, menghentikan rasuah dan penyelewengan, di samping melaksanakan yang jelas yang boleh meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara gagah dan hebat.

"Jika perlu (laksana) transisi tenaga, kita buat. Kalau perlu transformasi digital, perubahan dari segi teknologi pertanian. Ka-

lau perlu hentikan ketirisan termasuk dalam pendaftaran subsidi, terpaksa kita lakukan. Jangan bebankan rakyat kerana kita warisi hutang RM1.5 trilion dan defisit belanjawan negara adalah 5.6 peratus.

"Namun, oleh kerana ketegasan rakan-rakan semua parti dalam kerajaan, kita dapat kurangkan dalam masa satu tahun (defisit belanjawan) daripada 5.6 peratus jadi 5.0 peratus.

"Kita tidak terus mengamalkan pembaziran. Satu perkara yang saya boleh tegas dan berani sebut satu tahun tiga bulan kita perintah, belum muncul satu kes di mana ada menteri, perdana menteri atau pun menteri kewangan yang berkuasa cuba merompak kekayaan dalam negara kerana kita cukup tegas," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tetamu majlis itu, Anwar berkata, penyusutan nilai ringgit langsung tidak menjadi isu kepada pelabur Australia, sebaliknya mereka mahu terus komited melabur kerana yakin dengan asas ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, dalam semua perbincangan dengan ketua industri yang ditemuinya di sini, kedudukan ringgit langsung tidak disentuh oleh pelabur, sebaliknya mereka memandangkan kepada isu berkaitan asas ekonomi lain seperti inflasi, pasaran saham dan pengangguran.

"Sepanjang pertemuan saya dengan bank, pelabur dan ahli perniagaan, susut nilai ringgit tidak pernah jadi isu. Mereka melihat kepada dasar ekonomi, keyakinan sistem politik, inflasi. Ia

(penyusutan nilai ringgit) dikatakan faktor membimbangkan, tetapi tidak menjejaskan.

"(Penyusutan nilai ringgit) membimbangkan, tetapi tidak merunsingkan kerana mata wang kita terikat dengan nilai kadar faedah di Amerika Syarikat (AS). Malah, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) yakin ringgit akan kukuh sebab orang akan melihat kepada pelaburan.

"Jika tidak, kita tidak menerima pelaburan RM24.5 bilion dari Australia. (Isu) ringgit langsung tidak mengganggu," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelaburan diluluskan di Malaysia pada tahun lalu yang tertinggi dalam sejarah, justeru tidak munasabah pencapaian itu dilakar sekiranya tiada keyakinan daripada pelabur.